

Embargo: Hanya boleh diterbitkan atau disebarluaskan mulai jam 1200, Isnin, 1 November 2021



**KENYATAAN MEDIA
BAGI PEMAKLUMAN DAPATAN AWALAN OPERASI
BANCI PENDUDUK DAN PERUMAHAN MALAYSIA 2020**

**OPERASI BANCI MALAYSIA 2020 SELESAI,
PROFIL PENDUDUK MALAYSIA SEDANG DIBANGUNKAN**

PUTRAJAYA, 1 November 2021 - Jabatan Perangkaan Malaysia telah memaklumkan Dapatan Awalan Operasi Banci Penduduk dan Perumahan Malaysia 2020 (**Banci Malaysia 2020**) mencatatkan Penduduk Malaysia mencecah 32.3 juta. Maka, profil penduduk tersebut telah memberikan asas kepada negara untuk membangunkan *Malaysia Statistical Population Register* (MSPR). Pesuruhjaya Banci 2020, YBhg. Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin menyatakan dapatan awalan ini memaparkan statistik daripada operasi Banci Malaysia 2020 berdasarkan data pada 31 Oktober 2021. Data yang dilaporkan merupakan data di peringkat operasi yang tertakluk kepada pindaan setelah melalui proses semakan kualiti dan validasi. Dapatan awalan ini dijadikan nilai ambang kepada Laporan Penemuan Awalan Banci Malaysia 2020 yang akan dikeluarkan pada Januari 2022. Kemampuan DOSM mengeluarkan dapatan awalan sebaik Banci ditutup adalah disokong oleh sistem bersepadu *Malaysia Integrated Population Census System* (MyIPCS) dan sistem penyenaraian tempat kediaman yang baik.

Perancangan pelaksanaan Banci Malaysia 2020 telah dipergiatkan sejak tahun 2017. Pembangunan soal selidik telah bermula sejak 2017 dengan mendapatkan maklum balas daripada pihak pemegang taruh/ *stakeholders* melalui beberapa sesi libat urus, bengkel

dan mesyuarat. Soal selidik Banci mengandungi 108 soalan. Pemilihan topik soal selidik dalam Banci adalah selaras dengan keperluan semasa negara.

Banci Malaysia 2020 dilancarkan pada 7 Julai 2020 dan dirasmikan oleh Perdana Menteri pada masa itu, YAB Tan Sri Muhyiddin Yassin. Ini adalah julung kali pelaksanaan Banci Penduduk dan Perumahan dilancarkan oleh YAB Perdana Menteri. Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang Di-pertuan Agong telah berkenan menjadi responden pertama mengisi Banci secara dalam talian menggunakan platform e-Census. Susulan itu, Banci dimulakan serentak di seluruh Malaysia pada 7 Julai 2020. Pembancian di kawasan khas seperti Orang Asli, Pulau dan FELDA dijalankan serentak pada Ogos 2020.

Bagi pelaksanaan Banci Malaysia 2020, DOSM telah melaksanakan transformasi aktiviti Banci melalui penggunaan teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) yang terkini supaya lebih efisien dan kos efektif melalui sistem bersepadu *Malaysia Integrated Population Census System* (MyIPCS) yang dibangunkan daripada *end-to-end* untuk kegunaan Banci Malaysia 2020. Kaedah pembancian ialah melalui lima (5) mod iaitu e-Census, *Computer Assisted Telephone Interview* (CATI), *Computer Assisted Personal Interview* (CAPI), *Paper and Pen Interview* (PAPI) dan *Drop Off & Pick Up* (DOPU). Pelaburan dalam pembangunan ICT untuk Banci Malaysia 2020 ini akan mengubah lanskap sistem statistik Negara dengan pengeluaran output utama iaitu *Malaysia Statistical Address Register* (MSAR) dan *Malaysia Statistical Population Register* (MSPR). Buat pertama kalinya DOSM mengeluarkan profil penduduk melalui MSPR. Dengan adanya MSAR dan MSPR, banci penduduk dan perumahan pada masa hadapan tidak perlu dilaksanakan dengan skala yang besar. Maklumat profil penduduk boleh dikemaskini dan akan digunakan untuk pelbagai kegunaan di peringkat kerajaan.

Susulan daripada penularan COVID-19, pelaksanaan Banci Malaysia 2020 turut terkesan dan banci secara bersemuka telah ditangguhkan sebanyak empat kali dalam tempoh Julai 2020 hingga Oktober 2021. Namun, pembancian secara dalam talian diteruskan sepanjang tempoh tersebut. Pasukan barisan hadapan (frontliner) Banci turut terkesan yang mana terdapat seramai 330 orang dijangkiti COVID-19, yang mana seorang telah

meninggal dunia. Al-Fatihah. Negara-negara lain yang turut melaksanakan Banci Penduduk dan Perumahan pada tahun 2020 telah menilai semula pelaksanaan Banci masing-masing. Antaranya ialah Amerika Syarikat, Indonesia dan Filipina.

Pada 31 Oktober 2021, seramai 32.3 juta penduduk telah dibanci atau 99.2 peratus daripada anggaran penduduk 32.6 juta. Purata kadar pertumbuhan tahunan penduduk ialah 1.6 peratus. Sebanyak 9.5 juta tempat kediaman dan 8.1 juta isi rumah telah dibanci. Purata saiz isi rumah mencatatkan 4.0 pada tahun 2020. Purata saiz isi rumah tertinggi mengikut negeri dicatatkan di Kelantan (5.1), Sabah (4.6) dan Terengganu (4.3).

Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin menambah, penduduk Malaysia merangkumi 91.6 peratus Warganegara dan 8.4 peratus Bukan Warganegara. Warganegara terdiri daripada kumpulan etnik Bumiputera (69.7%), Cina (22.9%), India (6.6%) dan Lain-lain (0.8%). Maklumat penduduk Malaysia mengikut kumpulan etnik yang lebih terperinci akan diumumkan pada Januari 2022.

Nisbah jantina menunjukkan 106 orang lelaki bagi setiap 100 orang perempuan di Malaysia. Nisbah jantina tertinggi dicatatkan di Johor iaitu 114, diikuti oleh Pahang (111) dan Negeri Sembilan (108). Nisbah jantina terendah dicatatkan di Perlis dan Kelantan, masing-masing 99 serta W.P. Putrajaya (95). Ini menunjukkan perempuan lebih ramai daripada lelaki di ketiga-tiga negeri tersebut. Penduduk lelaki di Malaysia mencatatkan 51.5 peratus, lebih tinggi berbanding peratusan penduduk perempuan yang mencatatkan 48.5 peratus.

Dapatan daripada 32.3 juta penduduk Malaysia menunjukkan 25.6 peratus adalah di kalangan umur muda (0 - 14 tahun), 69.1 peratus ialah penduduk umur bekerja (15 hingga 64 tahun) dan 5.3 peratus di kalangan penduduk berumur 65 tahun dan lebih. Penduduk paling tua yang direkodkan dalam Banci 2020 serta selari dengan data Jabatan Pendaftaran Negara ialah 120 tahun bagi lelaki dan 117 tahun bagi perempuan.

Mengulas berkaitan laporan umur tersebut, Pesuruhjaya Banci, YBhg. Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin menyatakan "tiga daerah mencatatkan komposisi penduduk tua tertinggi

iaitu di Lubok Antu, Sarawak (21.1%); Sri Aman, Sarawak (19.4%) dan Song, Sarawak (18.9%). Manakala, daerah mencatatkan komposisi penduduk muda tertinggi ialah di Gombak, Selangor (37.2%); Semporna, Sabah (35.4%) dan Kunak, Sabah (33.5%).”

Dari segi pencapaian pelaksanaan Banci Malaysia 2020 berbanding Anggaran Penduduk 2020, peratusan melebihi 100 peratus menunjukkan penduduk yang telah dibenci melebihi anggaran penduduk tahun 2020. Negeri yang merekodkan peratusan melebihi 100 peratus ialah di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur (111.8%), diikuti oleh Negeri Sembilan (106.8%), Selangor (106.0%), Johor (105.2%) dan Wilayah Persekutuan Putrajaya (101.2%).

Daripada 32.3 juta (99.2%) penduduk Malaysia yang telah dibenci, seramai 23.6 peratus penduduk telah dibenci secara dalam talian melalui mod e-Census dan CATI. Manakala, 75.6 peratus penduduk telah dibenci menggunakan kaedah pembancian secara bersemuka sama ada melalui mod CAPI, PAPI atau DOPU. W.P. Putrajaya mencatatkan pengisian banci secara dalam talian tertinggi iaitu 93.4 peratus, diikuti oleh Perak (34.5%) dan Pulau Pinang (32.1%). Manakala, pembancian secara dalam talian terendah dicatatkan oleh Sarawak (15.5%), Kelantan (10.7%) dan Sabah (9.2%). Pembancian secara bersemuka melalui mod CAPI, PAPI dan DOPU tertinggi dicatatkan oleh Kelantan (87.8%), Johor (76.9%) dan Negeri Sembilan (78.5%).

Setelah operasi Banci berakhir pada Oktober 2021, aktiviti Banci diteruskan dengan pemeriksaan kualiti dilakukan yang dikenali sebagai Survei Penilaian Liputan Banci (SPLB). Mulai November 2021, isi rumah terpilih akan menerima lawatan pegawai Banci kami atau panggilan telefon bagi SPLB. Isi rumah yang terpilih dimohon memberikan kerjasama kepada Pegawai daripada Jabatan Perangkaan Malaysia.

Ucapan penghargaan dan setinggi-tinggi terima kasih dirakamkan kepada seluruh penduduk Malaysia yang telah menjayakan Banci Malaysia 2020 serta pihak Kementerian, Jabatan, Kerajaan Negeri, Pejabat Daerah, pasukan keselamatan, pengamal media, lebih daripada 40,000 Pegawai Banci, dan warga DOSM. Setinggi-tinggi penghargaan juga kepada YB Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Ekonomi) yang

sentiasa memberikan sokongan dan sentiasa memaklumkan status pelaksanaan Banci Malaysia 2020 kepada Kerajaan. Data Penduduk ini akan memberi manfaat kepada rakyat dan membantu kerajaan dalam pelaksanaan Rancangan Malaysia Ke-12.

Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin
Pesuruhjaya Banci 2020

1 November 2021

Embargo: Only to be published or disseminated at 1200 hours, Monday, 1 November 2021



MEDIA STATEMENT
ANNOUNCEMENT OF PRELIMINARY OPERATIONAL FINDINGS FOR
POPULATION AND HOUSING CENSUS OF MALAYSIA 2020

**OPERATION OF MYCENSUS 2020 COMPLETED,
MALAYSIA'S POPULATION PROFILE IS BEING DEVELOPED**

PUTRAJAYA, 1 November 2021 - The Department of Statistics Malaysia has announced the **Preliminary Operational Findings of the Population and Housing Census of Malaysia 2020 (MyCensus 2020)** which recorded Malaysia's population at 32.3 million. Thus, the population profile provides a base for the nation to develop *Malaysia Statistical Population Register* (MSPR). Census Commissioner, YBhg. Dato 'Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin stated that this preliminary findings displays statistics from the operation of the Census of Malaysia 2020 based on data as at 31 October 2021. The data reported is data at the operational level that is subject to amendment after going through a process of quality review and validation. This preliminary findings is the threshold value for the MyCensus 2020 Preliminary Findings Report to be released in January 2022. DOSM's ability to issue preliminary findings upon the closing of Census supported by the Malaysia Integrated Population Census System (MyIPCS) and good residential listing system.

Planning for the implementation of the Malaysia Census 2020 has been intensified since 2017. The development of the questionnaire has begun since 2017 by obtaining feedback from stakeholders through several sessions of workshops, engagement and meetings. The census Questionnaire contained 108 questions. The selection of questionnaire topics in the Census is in line with the current needs of the nation.

The MyCensus 2020 was launched on 7 July 2020 and was officiated by the then Prime Minister, YAB Tan Sri Muhyidin Yassin. For the first time the implementation of the Population and Housing Census was launched by the YAB Prime Minister. His Majesty the Yang Di-Pertuan Agong has agreed to be the first respondent to complete the Census online using the e-Census platform. Following that, the Census was started simultaneously throughout Malaysia on 7 July 2020. The census in special areas such as Orang Asli, island and FELDA was conducted simultaneously in August 2020.

For the implementation of the MyCensus 2020, DOSM has implemented the transformation of Census activities by using the latest information and communication technology (ICT) to be more efficient and cost effective through the Malaysia Integrated Population Census System (MyIPCS) that is developed for end-to-end use of MyCensus 2020. The census is conducted through five (5) modes namely e-Census, Computer Assisted Telephone Interview (CATI), Computer Assisted Personal Interview (CAPI), Paper and Pen Interview (PAPI) and Drop Off & Pick Up (DOPU). Investment in the development of ICT for the 2020 Census of Malaysia will change the landscape of the National Statistical System with the production of key outputs namely the Malaysia Statistical Address Register (MSAR) and the Malaysia Statistical Population Register (MSPR). For the first time, DOSM releases a population profile through MSPR. With the MSAR and MSPR, future population and housing census does not need to be conducted on a large scale. Population profile information can be updated and will be used for a variety of purposes at the government level.

Following the outbreak of COVID-19, the implementation of MyCensus 2020 was also affected face-to-face census was postponed four times during the period July 2020 to October 2021. However, online censuses continued throughout the period. The Census frontliners team was also affected where a total of 330 people were infected with COVID-19, of which one has died. Al Fatihah. Other countries that are also implementing the Population and Housing Census in 2020 have re-evaluated the implementation of their respective Censuses. Among them are the United States, Indonesia and the Philippines.

As of October 31, 2021, a total of 32.3 million residents were enumerated or 99.2 percent of the estimated population of 32.6 million. The average annual population growth rate is 1.6 percent. A total of 9.5 million living quarters and 8.1 million households were counted. The average household size recorded is 4.0 in 2020. The highest average household size by state was recorded in Kelantan (5.1), Sabah (4.6) and Terengganu (4.3).

Dato 'Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin added, the Malaysian population comprises 91.6 per cent Citizens and 8.4 per cent Non -Citizens. The Citizens consists of Bumiputera (69.7%), Chinese (22.9%), Indian (6.6%) and Others (0.8%) ethnic groups. More detailed information on the Malaysian population by ethnic group will be announced in January 2022.

The sex ratio shows 106 males for every 100 females in Malaysia. The highest sex ratio was recorded in Johor at 114, followed by Pahang (111) and Negeri Sembilan (108). The lowest sex ratios were recorded in Perlis and Kelantan at 99 respectively as well as Federal Territory of Putrajaya (95). This shows that there are more women than men in these three states. The male population in Malaysia recorded 51.5 per cent, higher than the percentage of the female population which recorded 48.5 per cent.

Findings from 32.3 million Malaysians show that 25.6 percent are young (0 - 14 years), 69.1 percent are working age (15 to 64 years) and 5.3 percent are 65 years and older. The oldest population recorded in the 2020 Census is in line with the data of the National Registration Department at 120 years for males and 117 years for females.

Commenting on the report on age, the Census Commissioner, YBhg. Dato 'Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin stated that three districts recorded the highest elderly population composition, namely in Lubok Antu, Sarawak (21.1%); Sri Aman, Sarawak (19.4%) and Song, Sarawak (18.9%). Meanwhile, the districts that recorded the highest composition of young population were in Gombak, Selangor (37.2%); Semporna, Sabah (35.4%) and Kunak, Sabah (33.5%)."

In terms of the achievement of the implementation of the Malaysia Census 2020 compared to the 2020 Population Estimates, the percentage of more than 100 percent shows the population that has been census exceeds the population estimates of 2020. The states that recorded more than 100 percent is in the Federal Territory of Kuala Lumpur (111.8%), followed by Negeri Sembilan (106.8%), Selangor (106.0%), Johor (105.2%) and the Federal Territory of Putrajaya (101.2%).

Of the 32.3 million (99.2%) Malaysian population that was counted, 23.6 percent of the population was counted via online through e-Census and CATI modes. Meanwhile, 75.6 percent of the population was counted using face-to-face method either through mode of CAPI, PAPI or DOPU. W.P. Putrajaya recorded the highest online census filling at 93.4 per cent, followed by Perak (34.5%) and Penang (32.1%). Meanwhile, the lowest online census was recorded by Sarawak (15.5%), Kelantan (10.7%) and Sabah (9.2%). The highest face-to-face method through CAPI, PAPI and DOPU modes was recorded by Kelantan (87.8%), Johor (76.9%) and Negeri Sembilan (78.5%).

After the Census operation ended in October 2021, the Census activities continued with a quality inspection known as the Census Coverage Assessment Survey (CCAS). From November 2021, selected households will receive a visit from our Census officer or a phone call for CCAS. The selected households is requested to provide their cooperation to the Officers from the Department of Statistics Malaysia.

Acknowledgments and thanks are extended to all Malaysians who have successfully completed MyCensus 2020 as well as the Ministries, Departments, State Governments, District Offices, security forces, media practitioners, more than 40,000 Census Officers, and DOSM staff. The highest appreciation goes to the Honorable Minister in the Prime Minister's Department (Economy) who always provided support and continuously update the Government on the status of the implementation of the MyCensus 2020. The population data will benefit the rakyat and facilitate the government in the implementation of Twelfth Malaysia Plan.

Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin
Census Commissioner 2020

1 November 2021